

Guide for Success Stories

Panduan untuk Kisah Kejayaan

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA KG ALOR LINTANG
Location Lokasi	<i>KG ALOR LINTANG, BESUT, TERENGGANU</i>
Name of person(s) Nama	<i>HAZMIR FITRI BIN ISMAIL NURUL FADILAH BT RAZALI</i>
Details of person (s) Butiran diri	<i>HAZMIR FITRI BIN ISMAIL UMUR : 28 TAHUN JANTINA : LELAKI TARAF PENDIDIKAN : SPM</i> <i>NURUL FADILAH BT RAZALI UMUR : 28 TAHUN JANTINA : PEREMPUAN TARAF PENDIDIKAN : IJAZAH SARJANA MUDA</i> <i>BILANGAN ANAK : 1 ORANG NAMA ANAK : HUMAIRA FATINAH BT HAZMIR FITRI</i>
Success story Kisah kejayaan	<i>MENGGUNAKAN INTERNET BAGI MENCARI DAN MENAMBAH IDEA YANG BARU BERKAITAN DENGAN PELAMIN. SELAIN ITU JUGA, BELIAU MENGGUNAKAN INTERNET UNTUK MENCARI PEMBEKAL KEPADA BARANG-BARANG PELAMIN DAN MENJALANKAN URUSNIAGA.</i> <i>SEBAGAI PERANCANG PERKAHWINAN, PERNIAGAAN MAKIN MENINGKAT DAN MENGORAK NAMA DENGAN MENJADIKAN FACEBOOK, INSTAGRAM DAN BLOG SEBAGAI</i>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	MEDIUM UNTUK MEMBUAT PROMOSI . SELAIN ITU JUGA, MEMUDAHKAN URUSAN DALAM SEGI PERBANKAN DAN JUGA URUSNIAGA JUAL BELI BARANG-BARANG BERKAITAN BIDANG PERNIAGAAN SEPERTI KERUSI,BAJU, AKSESORI DAN SEBAGAINYA BERKAITAN DENGAN PERKAHWINAN.
Keterangan gambar Photo caption	   ANTARA PELAMIN YANG DI HASILKAN OLEH CETUSAN IDEA SUAMI ISTERI PEMILIK HAZFAD ENTERPRISE.
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	 https://www.facebook.com/hazfadbridal/?fref=ts

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Feedback Maklumbalas	<u>PANDANGAN</u> PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA INI ADALAH TEMPAT YANG AMAT SESUAI UNTUK PENGUNJUNG,PERNIAGA YANG LANGSUNG TIDAK PANDAI MENGGUNAKAN KOMPUTER DAN BERPENGETAHUAN TENTANG IT. IA JUGA TEMPAT YANG SESUAI UNTUK SEMUA GOLONGAN UNTUK BELAJAR BERKAITAN IT. <u>TARIKAN</u> TARIKAN YANG MENYEBABKAN KAMI DATANG ADALAH PERKHIDMATAN YANG DISEDIKAN ADALAH CUKUP LENGKAP. MAKA LEBIH MEMUDAHKAN URUSAN KAMI SEBAGAI USAHAWAN YANG MEMERLUKAN PERKHIDMATAN SEPerti BAIDING,LIMANATE,FOTOSTAT DAN SEBAGAINYA. <u>MEMBANTU</u> PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA INI DAPAT MEMBANTU USAHAWAN DARISEGI MENJALANKAN PROMOSI IAITU MELALUI FACEBOOK, MENGEDIT GAMBAR PERKAHWINAN IAITU MENGGUNAKAN ADOBE PHOTOSHOP DAN MEMBUAT SENARAI HARGA BESERTA BORANG TEMPAHAN MENGGUNAKAN DESTOP PUBLISHING IAITU MICROSOFT WORD DAN MEMBUAT AKAUN PERNIAGAAN MENGGUNAKAN EXCEL. <u>CADANGAN</u> LEBIH PERBANYAKAN KURSUS DAN LATIHAN YANG BERSIJIL KEPADA KAMI SEBAGAI USAHAWAN.

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS
BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN

Merupakan ahli di Pusat Internet 1 Malaysia Kg Alor Lintang, suami isteri pemilik perancang perkahwinan yang diberi nama HAZFAD ENTERPRISE kini mengorak langkah jauh ke hadapan. Ini kerana, boleh dikatakan setiap minggu beliau suami isteri datang ke Pusat Internet 1 Malaysia Kg Alor Lintang untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan disini bagi tujuan perniagaan. Menjadi kebiasaan mereka, menggunakan perkhidmatan internet sebagai medium platform mereka mengadakan promosi berkaitan dengan pakej yang mereka tawarkan, memuat naik gambar pelamin yang dicetuskan oleh mereka dan juga mencari idea-idea baru bagi memantapkan lagi perniagaan dan bagi mencetuskan lagi hasil gabungan kreativiti-kreativiti di dalam internet.

Antar platform yang selalu mereka gunakan untuk mengadakan promosi antaranya facebook dan blog. Kini mereka melangkah setapak lagi dengan membuat Instagram bagi memudahkan lagi urusan dimana selaras dengan dunia teknologi dan maju ke hadapan selaras dengan kecanggihan. Ini dimana, rata-rata menggunakan smartphone untuk memudahkan urusan mereka seharian. Oleh demikian, bertambahnya medium untuk promosi, maka makin luas rezeki mereka.

Peranan Pusat Internet 1 Malaysia Kg Alor Lintang kepada mereka adalah mengajar mereka bagaimana untuk menggunakan platform untuk membuat promosi seperti facebook, blog dan Instagram. Selain itu juga, Pusat Internet 1 Malaysia Kg Alor Lintang memberi ilmu baru kepada mereka dengan mengadakan kelas adobe photoshop. Dimana ia amat menjimatkan mereka dari segi upahan edit gambar selain memberi mereka ilmu baru. Mereka kini lebih teruja untuk memperluaskan perkhidmatan mereka. Kini, banyak penjimatan yang dapat mereka lakukan berbanding sebelum mengenali Pusat Internet 1 Malaysia Kg Alor Lintang. Perniagaan mereka juga kini lebih tersusun dan efisien berbanding dahulu kerana dengan menyediakan borang tempahan dan membuat akaun keluar masuk perniagaan dengan menggunakan desktop publishing iaitu excel dan word, mengedit gambar menggunakan adobe photoshop, membuat video dengan menggunakan movie maker. Mereka juga dapat meningkatkan lagi perkhidmatan dan mutu dengan merujuk membaca blog-blog serta melihat facebook usahawan lain menerusi internet.